

MIC mahu kaum India diberi perhatian khas

KUALA LUMPUR, Isnin — MIC mahu Kerajaan memberi perhatian khas kepada masyarakat India dalam melaksanakan semua rancangan pembangunan dan projek perumahan seperti terkandung di dalam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Dalam satu memorandum kepada Dewan Bandaraya, parti itu menyatakan kebimbangan kaum India akan ketinggalan dalam segala bidang pembangunan Kuala Lumpur jika perhatian khas, sama seperti diberikan kepada Bumiputera, tidak dilakukan.

Kebimbangan ini, menurut memorandum itu, berdasarkan kebanyakan rancangan pembangunan akan dibiayai oleh agensi-

agensi bukan milik kaum India, sama ada oleh Kerajaan atau pihak swasta.

MIC juga kesal Pelan Struktur itu hanya menumpukan perhatian terhadap masa depan hakmilik Bumiputera dalam pertumbuhan dan pembangunan bandaraya.

Laporan itu, tambahna, tidak mengambil kira lain-lain ketidakseimbangan dan tidak juga membincangkan peranan dan hakmilik pembangunan bagi kaum India Malaysia.

Parti itu berpendapat, jika perkara ini tidak diberi perhatian, masyarakat India akan tersingkir ke dalam profesion yang kurang produktif dan ketinggalan dalam arus pembangunan Kuala Lumpur.

Menurut memoran-

dam itu, matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam memastikan keseimbangan rakyat berbilang kaum dalam pemilikan, pekerjaan dan peluang-peluang di dalam negara, hendaklah diberi perhatian wajar dalam pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Oleh itu, MIC meminta perhatian khas diberi dalam memastikan semua kaum mendapat peluang dalam semua bidang pembangunan dan projek perumahan yang dijalankan di Kuala Lumpur.

Memorandum 15 muka itu disediakan oleh jawatankuasa khas yang dilantik oleh Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu dan terdiri dari pemimpin-pemimpin tertinggi parti, perancang bandar profesional, penilai dan ahli ekonomi.